



SOALAN-SOALAN LAZIM


PENGAKTIFAN AKAUN PENGGUNA BAGI PORTAL MYCOID, MYLLP & MBRS BAGI PELANGGAN YANG BERADA DALAM KAWASAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Adakah saya boleh mendaftar di portal MyCoID, MyLLP dan MBRS dalam tempoh PKPB?	Ya. Pengguna baru boleh mendaftar seperti biasa sebagai pengguna di portal MyCoID, MyLLP dan MBRS.
2.	Saya telah mendaftar di portal MyCoID, MyLLP dan MBRS dan menerima emel notifikasi untuk hadir ke kaunter SSM. Namun begitu, kawasan saya telah diisytiharkan PKPB, adakah saya perlu hadir ke kaunter SSM bagi membuat verifikasi?	<p>Bagi pelanggan MyCOID, MyLLP dan MBRS yang berada di dalam kawasan yang dikenakan PKPB, anda tidak perlu hadir ke kaunter SSM bagi membuat verifikasi. Pihak SSM akan menghubungi anda melalui emel untuk prosedur seterusnya. Sila patuhi arahan yang dinyatakan dalam emel tersebut dan kemukakan bersama perkara seperti di Lampiran 1.</p> <p>Hanya permohonan yang lengkap dan memenuhi kriteria (berada di kawasan PKPB) sahaja akan diproses.</p>

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
3.	Sebagai pengguna MyCoID , bolehkah saya menukar status akaun saya daripada <i>Individual user</i> kepada <i>Professional user</i> semasa tempoh PKPB?	Boleh. Permohonan untuk membuat pertukaran status akaun daripada <i>Individual user</i> kepada <i>Professional user</i> boleh dilakukan seperti biasa.
4.	Sebagai pengguna MyCoID , saya telah membuat permohonan pertukaran status akaun daripada <i>Individual user</i> kepada <i>Professional user</i> dan menerima emel notifikasi untuk hadir ke kaunter SSM dalam tempoh PKPB. Adakah saya perlu hadir ke kaunter SSM bagi membuat verifikasi?	Bagi pelanggan yang berada di dalam kawasan yang dikenakan PKPB, anda tidak perlu hadir ke kaunter SSM bagi membuat verifikasi. Setelah menerima emel notifikasi untuk hadir ke SSM anda perlu emelkan permohonan bagi mengaktifkan akaun anda ke emel ubmhq@ssm.com.my dengan mengemukakan perkara seperti di Lampiran 1 . Sekiranya salah satu perkara tidak lengkap , permohonan anda akan ditolak .
5.	Apakah yang saya perlu lakukan sekiranya saya tidak mengingati <i>security question</i> atau <i>security answer</i> saya di portal MyCoID ?	Mohon majukan emel ke enquiry@ssm.com.my dan pihak SSM akan membantu anda berkenaan <i>security question</i> dan <i>answer</i> tersebut.
6.	Siapa yang saya harus hubungi sekiranya saya mempunyai pertanyaan lebih lanjut mengenai pengaktifan akaun MyCoID, MyLLP dan MBRS sepanjang tempoh PKPB?	Sekiranya anda mempunyai pertanyaan atau memerlukan penjelasan lebih lanjut berkenaan pengaktifan akaun MyCoID, MyLLP dan MBRS sepanjang tempoh PKPB, anda boleh majukan emel ke enquiry@ssm.com.my atau hubungi talian 03-7721 4000

Tarikh: 19 Oktober 2020

LAMPIRAN 1

Perkara	MyCoID			MyLLP		MBRS
	Individual	Professional	e-Charge	Verified	Verified Professional	
Salinan Kad Pengenalan	✓	✓	✓	✓	✓	✓
<p>Pemilik akaun perlu menangkap gambar bersama kad pengenalan yang dipegang pada paras leher seperti gambar di bawah.</p>  <p>(Pastikan gambar mempunyai resolusi tinggi agar perincian di kad pengenalan adalah jelas)</p>	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Satu dokumen sokongan lain yang mempunyai nama/gambar pemilik akaun. Sebagai contoh, lesen memandu, bil telefon, bil elektrik dan lain-lain	✓	✓	✓	✓	✓	✓
Salinan sijil perakuan amalan	✗	✓	✓	✗	✓	✗
Surat pengesahan yang mengatakan <i>user</i> adalah wakil yang dilantik oleh firma tersebut menggunakan <i>letterhead legal firm</i>	✗	✗	✓	✗	✗	✗
<i>Security answer</i> (yang telah didaftarkan semasa proses <i>sign up</i>)	✓	✓	✓	✗	✗	✗